

☐ Utusan Malaysia
☒ Mingguan Malaysia
Tarikh: 27/5/2012
Hari: Sabtu
Ruangan: Pameran

PAM hulur bantuan baiki 186 rumah keluarga miskin

ALOR SETAR 26 Mei - Dalam usaha membantu golongan miskin memiliki tempat kediaman selesa, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menghulurkan bantuan untuk membaiki rumah mereka.

Sebanyak 186 kediaman keluarga miskin tersebut yang mengalami kerosakan kecil menerima bantuan Persatuan Kebajikan Membasmi Kemiskinan Malaysia (PAM) melibatkan kos pembaikan sebanyak RM60,000.

Pengerusinya, Mohamad Nizam

Malik memberitahu, pemilihan rumah tersebut hasil kaji selidik pihaknya dengan kerjasama belia setempat di kawasan terpilih sejak beberapa minggu lalu.

Katanya, kajian dibuat berdasarkan taraf kehidupan dan mereka pula terdiri daripada keluarga daif, penghidup rumah yang mengalami masalah kesihatan, penyakit kronik dan orang kurang upaya.

"Sebagai permulaan PAM membaiki kerosakan kecil seperti bumbung bocor, membina bilik air dan

mengganti lantai rosak melibatkan 18 rumah di sekitar Changlun, Malau dan Jitra.

"Baki 168 rumah lagi akan dibaik pulih dalam tempoh dua bulan," katanya pada program Jejak Barisan Rakyat peringkat Parlimen Kubang Pasu, di sini baru-baru ini.

Program sehari itu disertai oleh 160 sukarelawan terdiri daripada 110 anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Utara Malaysia (UUM), ahli PAM serta sukarelawan PAM yang terdiri

daripada belia setempat.

Pada program itu mereka turut mengadakan gotong-royong membersihkan rumah 18 keluarga terpilih di Paya Nongmi, Kampung Padang Pasir dan Kampung Sungai Buluh di sini serta Jalan Perik, Malau dan Kampung Nyior, Jitra.

Mohamad Nizam berkata, program itu turut mendapat kerjasama pejabat Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Mohd. Johari Baharom menerusi sumbangan sebanyak RM10,000 selain dana PAM RM50,000.

Katanya, ini merupakan program pertama PAM selepas didaftarkan sebagai NGO pada 11 Mei lalu dan merancang mengadakan program sama di Padang Besar, Perlis dan Rantau Panjang, Kelantan pada masa depan.

"PAM turut mengalu-alukan rakan strategik daripada pelbagai pihak sama ada sektor korporat, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan NGO untuk bekerjasama membantu golongan miskin," katanya.



MOHAMAD Nizam Malik (kiri) bersama anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Universiti Utara Malaysia membersihkan persekitaran rumah seorang warga emas di Paya Nongmi, Changlun, Kedah, baru-baru ini.